

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XVII)29**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN  
YB. NOR HAFIZAH BINTI OTHMAN**

29. Penjaja Tanpa Lesen:-

- (a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk membantu penjaja/peniaga kecil yang tidak mempunyai lesen tetapi perlu bermiaga demi sesuap nasi?
- (b) Adakah cadangan untuk mewartakan kawasan tertentu sebagai tapak sementara bagi perniagaan mereka? Jika ada, nyatakan lokasi mengikut KADUN. Jika tiada, apakah perancangan bagi menangani masalah ini?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

29. (a) Kerajaan Negeri sememangnya prihatin terhadap nasib penjaja dan peniaga kecil yang bermiaga demi menyara keluarga dan kehidupan masing-masing. Oleh itu, walaupun terdapat segelintir daripada golongan ini tidak mempunyai lesen perniagaan, Kerajaan Negeri melalui kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) tetap membantu golongan ini melalui inisiatif seperti berikut:-
- (i) Memudahkan proses pengeluaran lesen / permit kepada penjaja / peniaga kecil;
  - (ii) Mewujudkan Garis Panduan yang boleh diakses melalui laman web PBT bagi dijadikan panduan kepada penjaja dan peniaga kecil dalam menjalankan perniagaan;

- (iii) Memberikan keutamaan kepada peniaga-peniaga di tepi jalan ini untuk mengisi kekosongan ruang niaga milik PBT melalui sesi temuduga ruang niaga yang diadakan setiap bulan;
  - (iv) Memberi taklimat dan sesi konsultasi kepada penjaja-penjaja ditapak;
  - (v) Mengadakan Program Mesra Pelanggan yang dikenali "Santai Peniaga" bagi membantu peniaga-peniaga untuk menukar konsep / bentuk perniagaan kepada trak makanan dengan menyelaras perjumpaan peniaga-peniaga bersama agensi kewangan berkaitan dan penyedia trak makanan;
  - (vi) Mensyaratkan kepada mana-mana pemajuan baharu di Pulau Pinang berkenaan keperluan menyediakan ruang niaga di lokasi yang strategik berdasarkan keperluan di sesuatu lokaliti;
  - (vii) Mewujudkan lokasi penempatan semula penjaja tepi jalan bagi lokasi-lokasi yang bersesuaian dan tidak menimbulkan halangan dan kacau ganggu kepada orang awam; dan
  - (viii) Memberi khidmat nasihat semasa penyerahan notis terhadap penjaja tanpa lesen.
- (b) Setakat ini Kerajaan Negeri tidak merancang untuk mewartakan tapak penjaja sementara bagi penjaja dan peniaga kecil yang tidak berlesen. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri menerusi kedua-dua PBT telah mempunyai perancangan untuk membantu para penjaja dan peniaga kecil yang tidak berlesen melalui cadangan berikut:-
- (i) Menyediakan penempatan penjaja dan peniaga kecil mengikut kawasan ADUN; dan
  - (ii) Menaik taraf kompleks sedia ada bagi memperbanyakkan ruang kepada penjaja untuk bermiaga.

